



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS) 125. Jld2 (24)  
Tarikh : 15 Disember 2017  
26 Rabiulawal 1439H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

## **SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.08 TAHUN 2017 BAYARAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2018 – BAYARAN PERTAMA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bayaran Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM2,000.00 dimana bayaran BKK yang pertama sebanyak RM1,000.00 akan dibuat pada 21 Disember 2017 dan baki sebanyak RM1,000.00 akan dibayar menjelang perayaan kaum masing-masing sebagai penghargaan kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Selain daripada itu, BKK ini juga dipanjangkan kepada 150 orang sidang-sidang Negeri Melaka yang bukan berjawatan pengerusi JKKK dengan bayaran RM1,500.00 sahaja dan dibayar pada 21 Disember 2017 iaitu berjumlah RM1,000.00 dan RM500.00 menjelang Aidilfitri.

4. Sehubungan dengan itu, kaedah pembayaran bagi bayaran pertama BKK 2018 sebanyak RM1,000.00 akan dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Negeri seperti berikut:-

4.1 **Melalui sistem "payroll"**

Sila rujuk kepada Laporan jabatan masing-masing yang telah dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri.

4.2 **Melalui baucar berasingan**

- i) PTJ perlu menyediakan baucar berasingan bagi bayaran kepada sidang-sidang yang bukan berjawatan pengerusi JKKK dan nama pegawai yang layak tetapi tiada di dalam senarai Laporan seperti di para 4.1 surat ini.
- ii) Baucar berasingan ini perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem SPEKS selewat-lewatnya pada 19 Disember 2017 sebelum jam 10.00 pagi. Baucar berasingan yang lewat diluluskan pada tarikh dan masa



yang ditetapkan, menyebabkan bayaran BKK akan diterima selepas 21  
Disember 2017.

III) Perihal bayaran pada baucar bayaran perlu dicatat –  
‘BKK 1/2018 – nama pegawai’. Contoh: BKK 1/2018 – Fattah bin Amin


5. Walau bagaimanapun YB Datuk/tuan/puan adalah diminta untuk mematuhi arahan  
sepertimana **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 06 Tahun 2017** bertarikh **13 Disember 2017**.  
Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik mengikut arahan  
berkuatkuasa.

6. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang  
pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan  
Operasi Gaji** di talian **06-2307 285/298/802**.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II"**  
**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(NORIFAH BINTI NORDIN)  
Bendahari Negeri,  
MELAKA